



#### Akademi Sukan Dipilih Bantu Felda United FC



*Pemain FUFC yang mengikuti ujian psikologi yang dibuat oleh Akademi Sukan UPM.*

**SERDANG, 6 Nov** – Akademi Sukan, Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih menjadi perunding fizikal dan psikologi pasukan bola sepak Felda United Football Club (FUFC).

Sebelum menjalani ujian fizikal, pemain menjalani ujian psikologi mental menggunakan soal selidik Mental Strength, Sports Anxiety, Coping Stage dan Team Cohesion.

Akademi Sukan dalam satu kenyataan berkata penyelidik Akademi Sukan, Prof. Madya Dr. Muhammad Nazrul Hakim Abdullah mengetuai ujian fizikal yang telah dijalankan ke atas pemain FUFC.

Dr. Muhammad berkata seramai 21 orang pemain pasukan itu diuji dalam persiapan menghadapi Liga Perdana Malaysia tahun depan.

"Lima pemain tersebut iaitu bekas pemain Kedah, Hasmawi Hassan, Chow Chee Weng (Sabah), Nazrul Erwan Makmor (KL Plus), Zainal Rabin (Perlis) dan Rashid Mahmud (Pahang) turut mengikuti latihan intensif yang telah disediakan oleh Akademi Sukan," katanya.

Selain itu, pemain-pemain Felda United turut menjalani terapi psikologi yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik yang diketuai oleh Ketua Laboratori Pembangunan Sukan, Prof. Madya Dr. Mohd Sofian Omar Fauzee.

Pemilihan Akademi Sukan menjadi perunding kepada Pasukan Felda United menjadi penyuntik semangat dalam usaha mendapatkan dan menerbitkan hasil kajian yang bermutu pada masa depan.

FUFC antara pasukan yang akan bersaing dalam Liga Perdana musim 2009.

**Oleh Akademi Sukan UPM disunting oleh Seksyen Media BKK UPM.**